

Penyampai : Y.BHG.TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS SANTAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG BERSAMA PERKHIDMATAN
TADBIR DAN DIPLOMATIK
Lokasi : MAYANG SARI GRAND BALLROOM, JW MARRIOTT HOTEL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 08-03-2002

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalaamulaikum Warahmatullahita'ala Wabaraakatuh dan Salam Sejahtera

Mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail; dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid Ampun Tuanku Patik memanjatkan syukur kehadiran Allah Rabbul' alamin dan dengan penuh ta'zimnya merafakkan sembah menjunjung kasih di atas perkenan Tuanku dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat ke Majlis Santapan DiRaja pada malam ini.

2. Sesungguhnya keberangkatan Tuanku berdua pada malam ini bukan sahaja melambangkan sikap mesra rakyat sanubari Tuanku berdua, bahkan menzahirkan keprihatinan Tuanku kepada anggota perkhidmatan awam. Pasti ia akan menjadi satu kenangan manis buat patik sekalian, warga Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (P.T.D.) khasnya dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

3. Pada kesempatan ini juga izinkan patik bagi pihak pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik melafazkan ucapan tahniah di atas pemasyhuran Tuanku berdua sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke XII dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Patik juga mendoakan semoga Tuanku berdua sentiasa dipelihara dan diberkati Allah s.w.t., dilanjutkan usia dalam iman dan takwa dan memerintah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan.

Ampun Tuanku

4. Seterusnya patik dengan segala hormat dan ta'zimnya memohon perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian di dalam majlis ini.

Ampun Tuanku

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Timbalan Perdana Menteri; dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon bt Dato' Mahmood, Yang Berhormat Tan Sri Mohd Khalil bin Yaakob Menteri Penerangan; dan Yang Berbahagia Puan Sri Zurina bt Kassim, Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; dan Yang Berbahagia Datin Seri Hazlin bt Abdul Karim, Y. Bhg. Dato' Seri Aseh bin Che Mat Presiden Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD); Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Majlis Santapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; dan Yang Berbahagia Datin Seri Khadijah bt Mohd Yassin, Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian, Assalaamulaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh dan Salam Sejahtera

5. Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan izin Allah s.w.t. kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Santapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang julung kali diadakan. Sesungguhnya majlis ini amat bermakna kepada semua anggota perkhidmatan awam, khususnya Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik atau PTD bagi mengenali Seri Paduka Baginda berdua dengan lebih dekat lagi.

6. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah berusaha dengan penuh semangat dan ketulusan untuk menjayakan majlis pada malam ini. Semoga Allah memberkati majlis yang mulia ini dan menghubungkan hati-hati kita semua dalam satu ikatan silaturahim yang memberi kekuatan azam dan tekad yang teguh, untuk terus berbakti dengan ikhlas dan jujur, demi kesejahteraan rakyat dan negara yang tercinta.

7. Pada kesempatan yang bersejarah ini, suka saya menyatakan bahawa sesungguhnya semua anggota

perkhidmatan awam ingin melafazkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan yang memerintah. Asas ketaatsetiaan ini sudah termaktub dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam, 1993. Ia juga adalah prinsip asas yang telah diterap dan perlu dihayati oleh segenap lapisan anggota perkhidmatan awam.

8. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua anggota Perkhidmatan Awam berusaha dengan sepenuh rela hati, untuk mempertahankan serta memperkukuhkan tahap profesionalisme dan integriti perkhidmatan awam, dengan mencegah segala bentuk perbuatan yang membelakangkan kepentingan awam dan negara. Sebab itulah sebagai usaha berterusan untuk memperkukuhkan lagi integriti dan akauntabiliti semua anggota perkhidmatan awam, maka Kerajaan telah bersetuju supaya semua anggota perkhidmatan awam menandatangani Surat Akujanji yang dikuatkuasakan baru-baru ini. Tujuannya tiada lain, semata-mata untuk menzahirkan semula komitmen kita sebagai anggota perkhidmatan awam kepada ikrar yang sama-sama kita buat, iaitu untuk sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan penuh tanggungjawab.

9. Prinsip dan pegangan utama iaitu untuk berkhidmat dengan profesional, wajib dihayati bagi memastikan semua dasar, program dan arahan yang telah diputuskan oleh Kerajaan dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan sehingga tercapai matlamat yang dihasratkan. Andainya prinsip ini diketepikan oleh anggota perkhidmatan awam, segala sistem dan jentera pentadbiran akan hilang kekuatannya dan semua dasar yang diputuskan untuk memajukan rakyat dan negara akan menghadapi penyelewengan yang menghakis keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Saya bersyukur kerana perkhidmatan awam negara di bawah pimpinan yang dinamik dan berwibawa, telah terus mendapat sokongan rakyat, malah terbukti mempunyai daya tahan dalam menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan yang melanda negara dalam dekad yang lepas. Kecekapan, ilmu pengetahuan dan kepakaran perkhidmatan awam insya-Allah, akan terus dipertingkatkan lagi dengan aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat untuk meletakkan perkhidmatan awam negara dalam kedudukan yang sentiasa di hadapan dalam era ekonomi baru. Falsafah mesra rakyat akan diberi penekanan dalam penyampaian perkhidmatan agar keyakinan rakyat dan semangat patriotisme terus meningkat, untuk menjadikan negara lebih perkasa dalam menangani isu globalisasi dan penjajahan bentuk baru.

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato' dan Tuan-Tuan sekalian,

10. Berkat kepekaan dan keprihatinan Kerajaan yang memahami hati anggota perkhidmatan awam, pelbagai petunjuk yang positif meyakinkan saya bahawa ciri-ciri profesionalisme, ketaatsetiaan anggota perkhidmatan awam amnya, dan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik khasnya, selama ini tetap utuh. Penerapan nilai-nilai murni untuk membentuk ciri-ciri profesionalisme yang unggul, komited terhadap tugas dan tanggungjawab, berdedikasi, berdisiplin tinggi, amanah, berintegriti dan mengutamakan akauntabiliti, akan terus menjadi agenda utama dalam usaha memajukan perkhidmatan awam.

11. Amalan nilai-nilai murni yang berteraskan tuntutan agama yang suci tidak syak lagi dapat membentuk budi pekerti dan akhlak mulia yang mampu membina etika kerja dan budaya kecemerlangan perkhidmatan awam, sekali gus menolak amalan-amalan negatif dan menutup ruang dan peluang berlakunya penyelewengan. Penerapan nilai-nilai murni sejagat yang mementingkan teknik pengurusan moden dan terkini ke arah meningkatkan produktiviti dan kualiti berasaskan standard antarabangsa, juga akan dipergiatkan. Semua ini adalah inisiatif Kerajaan untuk melihat perkhidmatan awam muncul sebagai perkhidmatan yang dihormati bukan sahaja oleh setiap lapisan rakyat, malah juga di mata dunia.

12. Bagi merealisasikan dasar-dasar Kerajaan untuk membangunkan negara, perkhidmatan awam perlu sentiasa siap sedia berperanan sebagai penggerak, pelaksana dan fasilitator untuk mengerakkan sistem dan jentera pentadbiran ke tahap yang paling efisien. Justeru, keutamaan akan terus diberi terhadap pembangunan sumber tenaga manusia untuk membentuk tenaga pekerja yang efektif serta kompeten dalam semua bidang.

Para hadirin sekalian,

13. Perubahan pesat dalam persekitaran dunia masa kini memberi kesan yang sangat besar terhadap

kelancaran proses pembangunan negara. Peralihan menuju era globalisasi, liberalisasi dan era teknologi maklumat dan komunikasi menuntut kepada perubahan yang radikal dari segi strategi perancangan. Ilmu pengetahuan dan kepakaran perlu sentiasa dikemas kini, malah lebih baik lagi jika kita dapat berada di barisan hadapan dalam beberapa bidang yang kita mempunyai potensi untuk dimajukan. Pergolakan politik dunia dan serantau yang semakin mencabar memerlukan tahap pemikiran anggota perkhidmatan awam yang dinamik dan berpandangan jauh. Dalam konteks ini, Malaysia amat bertuah kerana telah mempunyai pelan bertindak hasil dari visi dan misi yang digariskan dalam Wawasan 2020. Apa yang perlu ialah setiap anggota perkhidmatan awam menghayati visi dan misi ini sepenuhnya agar kita sentiasa jelas dalam cara berfikir dan bertindak. Justeru, kita memerlukan perkhidmatan awam yang mengamalkan prinsip pembelajaran yang berterusan untuk terus mengekal prestasi cemerlang dan menghadapi apa pun cabaran yang mendatang.

15. Sesungguhnya kerajaan adalah komited untuk mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang cemerlang bertaraf dunia yang dapat memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan baik dari kalangan rakyat mahu pun dari kalangan pelanggan luar negara yang berpotensi membawa masuk pelaburan yang bernilai kepada ekonomi. Untuk mencapai maksud ini, anggota perkhidmatan awam perlulah sensitif terhadap maklum balas dan aduan terhadap perkhidmatan dan bertindak pantas melaksanakan perubahan untuk menghapuskan imej birokratik dengan pelbagai kekangan yang menghalang kelicinan pengurusan.

Kita mahukan imej yang mencerminkan sikap yang responsif, yang sentiasa bersedia untuk memudahkan urusan pelanggan tetapi tetap teguh dengan amalan etika kerja yang profesional.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

16. Merujuk khusus kepada perkhidmatan P.T.D., kita harus sedar bahawa pegawai-pegawai PTD mempunyai tempat yang istimewa di dalam struktur perkhidmatan awam negara kita. Mereka diberi amanah untuk menerajui semua kementerian dan kebanyakan organisasi-organisasi di negeri dan daerah. Kedudukan di peringkat kepimpinan ini semestinya membawa tanggungjawab yang besar dan berat. Disinilah timbul cabaran yang memerlukan kepimpinan PTD menunjukkan contoh dan tauladan profesionalisme yang berlandaskan etika moral di tahap tertinggi, ke arah pembentukan budaya kerja yang benar-benar utuh dan berintegriti.

17. Untuk memastikan organisasi yang diterajui mencapai tahap prestasi yang terbaik, pembelajaran yang berterusan, teknologi yang terkini, pengkhususan yang mendalam dalam bidang-bidang yang dipertanggungjawabkan adalah perlu bagi perjalanan dan kecekapan organisasi mencapai tahap cemerlang. Tanggungjawab dan kedudukan istimewa yang diberi kepada perkhidmatan PTD sewajarnya dikendalikan di tahap etika kerja yang tertinggi untuk memberi erti kepada amanah dan kepercayaan yang diberikan.

18. Sempena majlis yang penuh sejarah ini, saya ingin menyeru semua pegawai-pegawai tinggi perkhidmatan awam yang menerajui pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan, untuk membulatkan tekad serta azam untuk memberi sepenuh tenaga dan bakti demi menjayakan matlamat dan cita-cita negara. Segala nikmat kesejahteraan, kedamaian serta keamanan yang dianugerahkan Allah hendaklah kita manfaatkan sepenuhnya dengan menambah khidmat bakti kita dengan penuh jujur dan ikhlas agar nikmat-nikmatNya terus melimpah ke atas kita semua.

19. Kepada pihak Kerajaan yang telah bermurah hati memenuhi pelbagai tuntutan dari anggota perkhidmatan awam, kami merakamkan janji akan terus melipat gandakan usaha untuk memastikan segala program dan aktiviti yang digariskan oleh kepimpinan negara bagi menghadapi cabaran-cabaran, dan bagi memenuhi matlamat dan wawasan negara, terlaksana dengan jayanya. Insya Allah. Semoga usaha kita diberkati Allah dan kita dikurniakan rahmat dan kasih sayangnya.

Ampun Tuanku

20. Sekali lagi patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas perkenan Tuanku

berdua berangkat hadir di Majlis Santapan ini. Dengan keizinan Allah s.w.t. dan berkat daulat Tuanku, majlis pada malam ini akan beroleh kesempurnaan dan kerahmatan jua.

Ampun Tuanku Sekianlah jua ucapan patik, dan patik sudahi dengan, Wabillahi taufiq Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabrakaatuh.